BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 08/12/04

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Rabu, 15 Ogos 2012

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia pada Suku Kedua 2012

TINJAUAN KESELURUHAN

Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku kedua

Persekitaran ekonomi global terus mencabar pada suku kedua di tengah-tengah kelemahan yang semakin ketara dalam beberapa ekonomi utama. Pertumbuhan dalam ekonomi maju yang utama telah terjejas ekoran kebimbangan mengenai dasar dan struktur dalam negeri. Di Asia, kegiatan ekonomi menerima kesan daripada permintaan luar negeri yang lebih lemah. Meskipun dalam persekitaran yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.4% (S1 12: 4.9%), dipacu oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, yang meningkat sebanyak 13.8% (S1 12: 9.7%). Pertumbuhan disokong perbelanjaan sektor swasta dan awam yang meningkat dengan teguh. Eksport bersih pula terus sederhana disebabkan eksport yang lebih lemah dan import yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi utama negara terus berkembang, dipacu oleh sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan.

Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada 26.1% (S1 12: 16.1%) berikutan perbelanjaan modal sektor awam dan swasta yang lebih tinggi. Pelaburan swasta terus kukuh, disokong pelaburan dalam subsektor perkhidmatan berorientasikan dalam negeri, industri minyak dan gas, serta perkilangan. Peningkatan pelaburan awam dipacu oleh perbelanjaan modal perusahaan awam bukan kewangan dalam sektor pengangkutan, minyak dan gas serta utiliti dan juga perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk pengangkutan, perdagangan dan perindustrian, serta kemudahan awam dan pendidikan.

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.8% (S1 12: 7.4%), hasil sokongan daripada keadaan pasaran pekerja yang teguh, kenaikan yang nyata dalam pendapatan serta sentimen pengguna yang bertambah baik. Di samping itu, inisiatif Kerajaan seperti bantuan kewangan

untuk isi rumah berpendapatan rendah dan peneroka FELDA, serta kenaikan gaji dan pencen kakitangan awam juga telah menyumbang kepada kenaikan dalam perbelanjaan. Penggunaan awam meningkat sebanyak 9.4% (S1 12: 7.3%), dipacu oleh perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.



Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi terus berkembang, disokong oleh kegiatan dalam negeri sektor perkhidmatan, iaitu subsektor komunikasi, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, serta kewangan dan insurans. Sektor perkilangan telah didorong oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport dan pengembangan berterusan dalam industri berorientasikan dalam negeri. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan dua angka yang kukuh buat dua suku berturut-turut berikutan peningkatan dalam aktiviti subsektor kejuruteraan awam. Pengembangan sektor perlombongan pula mencerminkan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi, manakala sektor pertanian mengalami penguncupan disebabkan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 1.7% pada suku kedua (S1 12: 2.3%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* menjadi sederhana berikutan penurunan harga daging dan sayur-sayuran.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa adalah lebih rendah pada suku kedua kepada RM9.6 bilion, bersamaan dengan 4.4% daripada PNK. Lebihan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih rendah, terutamanya disebabkan oleh pengembangan import kasar yang lebih besar dalam keadaan pertumbuhan eksport kasar yang makin sederhana.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Akaun kewangan kembali pulih apabila menjana aliran masuk sebanyak RM5.4 bilion pada suku kedua (S1 12: -RM10.3 bilion) berikutan peningkatan dalam aliran masuk bersih pelaburan lain dan kenaikan dalam FDI yang telah mengimbangi aliran keluar bersih dana portfolio bukan pemastautin. FDI terus kukuh pada RM6.1 bilion (S1 12: +RM7.5 bilion), disokong oleh aliran masuk modal ekuiti dan pemberian pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi kepada syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia. Pelaburan langsung syarikat Malaysia di luar negeri menjadi sederhana pada suku kedua kepada RM2.5 bilion (S1 12: -RM16.9 bilion), mencerminkan aliran keluar modal ekuiti dan pinjaman antara syarikat yang lebih rendah, serta pendapatan bersih yang dihantar pulang oleh syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri. Susulan lebihan dalam akaun semasa dan akaun kewangan, imbangan pembayaran keseluruhan kembali pulih untuk mencatat lebihan sebanyak RM12.7 bilion pada suku kedua (S1 12: -RM7.2 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM428.8 bilion (bersamaan dengan USD134.2 bilion) pada 29 Jun 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi keuntungan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan mata wang berbanding dengan ringgit pada tempoh tersebut. Pada 31 Julai 2012, rizab berjumlah RM429.6 bilion (bersamaan dengan USD134.5 bilion) yang memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 3.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong kegiatan ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku kedua 2012. Pada paras OPR semasa, keadaan monetari terus menyokong kegiatan ekonomi.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang secara relatif stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (Fixed Deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah pada suku kedua. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.53%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal stabil pada 5.60% pada akhir bulan Jun 2012 (akhir bulan Mac 2012: 5.62%).

Pada suku kedua, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal bertambah kepada RM280.6 bilion (S1 12: RM259.9 bilion). Jumlah pembiayaan kasar yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan dan tawaran awam awal (initial public offerings, IPO) pada suku tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 13.0% pada akhir bulan Jun 2012 (S1 12: 13.3%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM27.6 bilion pada suku kedua (S1 12: RM43.5 bilion), dengan kebanyakan daripadanya

diperoleh sektor swasta. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti meningkat dengan nyata kepada RM12.1 bilion (S1 12: RM1.3 bilion) berikutan satu tawaran awam awal yang besar pada bulan Jun. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM22.6 bilion. Dalam sektor awam, perolehan dana bersih pada suku kedua adalah sebanyak RM5.0 bilion (S1 12: RM13.7 bilion).
Agregat monetari berkembang pada kadar yang sederhana pada suku kedua. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM3.5 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 9.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2012: 13.2%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak 12.8% setahun pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2012: 15.0%). Pengembangan M3 yang sederhana ini disebabkan oleh kegiatan pemerolehan dana yang lebih giat oleh Kerajaan dan aliran keluar portfolio bersih pada suku tersebut.

Ringgit menyusut nilai sebanyak 3.8% berbanding dengan dolar AS pada suku kedua, selaras dengan kebanyakan mata wang serantau lain. Ketidakpastian yang timbul semula terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah dan kesannya terhadap prospek pertumbuhan ekonomi serantau dan global telah menyebabkan sesetengah pelabur mengurangkan pemegangan aset pasaran sedang pesat membangun. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-1.6%) dan yen Jepun (-7.0%), tetapi menambah nilai berbanding dengan euro (2.0%). Berbanding dengan mata wang serantau lain ringgit menyusut nilai dalam julat antara 0.7% hingga 5.4%.

Pada tempoh 1 Julai hingga 13 Ogos 2012, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (4.7%), dolar AS (2.3%), paun sterling (1.9%) dan yen Jepun (0.9%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau dengan mencatat pengukuhan berbanding won Korea, baht Thailand, peso Filipina, rupiah Indonesia dan renminbi China antara 0.6% hingga 2.3%. Ringgit kekal tidak berubah berbanding dengan dolar Singapura.

Kestabilan kewangan dalam negeri terus mampan

Kestabilan kewangan kekal utuh sepanjang suku kedua 2012, disokong oleh permodalan institusi kewangan yang teguh dan keadaan pasaran kewangan yang terurus. Pasaran kewangan terus menunjukkan keupayaan yang tinggi untuk menghadapi kejutan luaran dan ketidaktentuan akibat risiko hutang kerajaan di kawasan Euro yang semakin meruncing.

Sektor perbankan terus berdaya tahan pada suku kedua dalam keadaan keuntungan yang mampan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Permodalan sektor perbankan kekal stabil dengan nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko masing-masing pada 12.9% dan 14.7%. Sektor insurans juga terus berdaya tahan dengan nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 216.7%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Ekonomi akan terus pulih pada kadar yang sederhana, namun risiko kepada pertumbuhan masih wujud

Ekonomi global terus pulih pada suku kedua, namun pada kadar yang lebih sederhana. Melangkah ke hadapan, ekonomi global berdepan dengan risiko yang semakin meningkat berpunca daripada perkembangan dalam beberapa ekonomi utama. Ketidakpastian mengenai dasar yang membelenggu krisis hutang kerajaan Eropah dan isu fiskal di Amerika Syarikat dijangka memberi kesan ke atas sentimen pasaran dan prospek pertumbuhan.

Bagi ekonomi Malaysia, sokongan kukuh permintaan dalam negeri yang disokong oleh kegiatan sektor swasta dan awam telah menghasilkan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam persekitaran global yang semakin mencabar. Trend ini dijangka berterusan pada masa hadapan, meskipun risiko akibat daripada perkembangan luaran akan terus wujud.

Bank Negara Malaysia
15 Ogos 2012

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	2011		2012		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.7	3.8	2.1	-4.7	-1.5
Perlombongan	-9.3	-6.6	0.3	2.3	1.3
Perkilangan	2.6	4.1	4.4	5.6	5.0
Pembinaan	1.8	3.4	15.5	22.2	18.9
Perkhidmatan	7.1	7.1	5.3	6.3	5.8
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**4.3**	**4.7**	**4.9**	**5.4**	**5.1**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**2.5**	**-0.4**	**-3.0**	**3.0**	**-0.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2005)

	2011		2012		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	5.4	6.8	9.7	13.8	11.8
Penggunaan	6.5	7.1	7.4	8.9	8.1
Sektor swasta	*6.6*	*6.8*	*7.4*	*8.8*	*8.1*
Sektor awam	*6.0*	*8.4*	*7.3*	*9.4*	*8.4*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	2.7	6.0	16.1	26.1	21.3
Sektor swasta	*7.6*	*15.0*	*19.8*	*24.6*	*22.4*
Sektor awam	*-5.4*	*-6.9*	*10.3*	*28.9*	*19.5*
Eksport Bersih	8.7	-13.3	-20.9	-36.2	-28.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*4.6*	*3.2*	*2.8*	*2.1*	*2.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*4.0*	*6.5*	*6.8*	*8.1*	*7.5*
KDNK	**4.3**	**4.7**	**4.9**	**5.4**	**5.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia